



MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PERLANCONGAN ISLAM

BULETIN 2025

| JANUARI



BULETIN

PERJUMPAAN BERSAMA TUAN SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PERLANCONGAN ISLAM SEMPENA TAHUN BARU 2025

5 Januari 2025 - Ahad



Bachok, 5 Januari 2025 - Majlis Daerah Bachok Bandar Perlancongan Islam telah mengadakan satu perjumpaan khas bersama Tuan Setiausaha (SU) dan seluruh kakitangan bagi menyambut kedatangan Tahun Baru 2025.

Perjumpaan berlangsung di Dewan Utama Majlis Daerah Bachok ini bertujuan untuk memperkukuhkan semangat kerja berpasukan, menyampaikan amanat penting untuk Tahun Baru, serta memperbaharui komitmen ke arah kecemerlangan organisasi

AMANAT 2025 OLEH YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH BACHOK: MENJANA KEUNGGULAN BANDAR PERLANCONGAN ISLAM MELALUI UBUDIYAH, MASLUIYAH, ITQAN

7 Januari 2025 - Selasa



Bagi mencapai kejayaan dan keberkatan dalam tugas, 3 konsep penting perlu di terapkan dalam kerja seharian:

1. Ubudiyah (Pengabdian Kepada Allah SWT) Setiap perkerjaan yang kita lakukan perlu diniatkan kerana Allah SWT
2. Masuliyah (Tanggungjawab) Setiap amanah yang diberikan kepada kita perlu dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab
3. Itqan (Kesungguhan dan Kecemerlangan) Islam menganjurkan kita melakukan setiap pekerjaan dengan sebaik mungkin



HEBAHAN: MAKLUMAN KEPADA PENDUDUK, OPERASI TANGKAPAN HAIWAN LIAR/ BERKELIARAN

7 Januari 2025 - Selasa

Operasi tangkapan haiwan liar/ berkeliaran yang membahayakan pengguna jalan raya dan penduduk akan dijalankan di kawasan Beris Lalang

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI KELANTAN 2025

13 Januari 2025 - Isnin

Majlis Penyampaian WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI KELANTAN 2025

Disempurnakan Oleh :
YAB Dato' Panglima Perang
Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud
Menteri Besar Kelantan

13 Rejab 1446H / 13 Januari 2025 (Isnin)
Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim.

MAJLIS DAERAH BACHOK JOHAN KATEGORI TANDAS BERSIH PROGRAM KELANTANKU BERSIH 2024

12 Januari 2025 - Selasa



MDBBPI mencatatkan satu lagi pencapaian cemerlang apabila dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama dalam kategori Tandas Bersih menerusi Program Kelantanku Bersih 2024. pengiktirafan ini merupakan hasil usaha berterusan MDBBPI dalam memastikan tandas awam di kawasan pentadbirannya memenuhi standard kebersihan tertinggi

PERASMIAN BANDAR BARU JELAWAT

23 Januari 2025 - Ahad

Majlis Perasmian Bandar Baru Jelawat disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassaruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan. Majlis diadakan pada Rejab 1446H bersamaan 23 Januari 2025, jam 11 bertempat di Bandar Baru Jelawat, bagi merasmikan projek pembangunan yang bakal memberi impak besar kepada masyarakat



MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PERLANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS TAHUN 2025

23 Januari 2025 - Ahad



MAJLIS PERASMIAN BANDAR BARU JELAWAT

23 Januari 2025 - Ahad



Bandar Baru Jelawat mula dibina Julai 2018. Mempunyai keluasan tapak 21.45 Ekar. Merupakan sebuah pasaraya basah dan kering dengan jumlah 217 bangunan perniagaan.

Majlis Daerah Bachok menerima faedah lebih RM6 juta hasil pelaburan bagi projek bernilai hampir RM 93 juta melalui pembinaan pembangunan di Bandar Baru Jelawat

MAKLUMAN PENUTUPAN TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH

28 Januari 2025 - Ahad



Penutupan tempat pembuangan sampah Bukit Marak Bachok bermula 28 Januari 2025

Penduduk diarahkan untuk membuang sampah di tempah pembuangan sampah yang berdekatan